



SIARAN AKHBAR

PELANCARAN *CENTRALISED STATISTICAL SYSTEM*

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah melancarkan *Centralised Statistical System* pada hari Jumaat, 15 Syaaban 1438 bersamaan dengan 12 Mei 2017. Sistem ini memperkenalkan *single portal* yang membolehkan AMBD untuk mengumpulkan data dan maklumat yang diterima daripada semua pihak-pihak yang berkepentingan yang berkaitan, termasuk institusi-institusi kewangan yang dikawalselia oleh AMBD seperti institusi-institusi perbankan, syarikat-syarikat kewangan, syarikat-syarikat takaful dan insurans, pihak-pihak yang mempunyai Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (*Capital Market Services License*), syarikat-syarikat pertukaran wang, syarikat-syarikat pengiriman wang dan syarikat-syarikat pajak gadai.
2. Data dan maklumat yang dikumpul akan disimpan di dalam *Centralised Statistical System* dan akan dianalisa sebelum digunakan untuk menghasilkan laporan-laporan yang lebih mendalam dan terperinci. Penggunaan sistem ini akan meningkatkan kualiti data dan kitar hayat pengumpulan data (*data collection lifecycle*) dengan adanya proses pengesahan secara automatik. Sistem ini akan mengemaskini proses pengumpulan maklumat dari AMBD dan dari pihak-pihak yang berkepentingan sementara memelihara kualiti, konsistensi dan integriti data. Proses secara automatik ini juga akan memendekkan masa bagi mendapatkan semula data, membuat penganalisan dan pengedaran data.
3. Selaras dengan Pelan Sektor Kewangan AMBD (*Financial Sector Blueprint*) untuk mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan serta usaha untuk membangunkan infrastruktur kewangan yang moden dan teguh, *Centralised Statistical System* adalah sebuah platform generasi masa depan yang dapat membantu AMBD untuk meningkatkan fungsi pemantauan dan pengawalseliaan dan seterusnya mengenalpasti risiko yang wujud secara berkesan apabila dilaksanakan sepenuhnya. Dengan penggunaan teknologi ini, semua ahli-ahli berkepentingan akan dapat menjalankan tugas mereka secara lebih cekap dan produktif.
4. Bagi sistem ini, AMBD telah bekerjasama dengan Syarikat Vizor Limited, sebuah syarikat yang ternama dan mempunyai pengalaman luas dalam membekalkan sistem bagi pengumpulan data-data kewangan dan teknologi kawalselia. Sistem Vizor juga telah digunakan oleh bank-bank pusat dan institusi-institusi pengawalselia kewangan melebihi daripada 30 buah negara. Di antara institusi-institusi yang menggunakan sistem Vizor termasuk Bank of England, Bank of Canada dan Saudi Arabian Monetary Authority. Negara Brunei Darussalam merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang menggunakan sistem tersebut sejak penubuhan syarikat tersebut pada tahun 2000.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date : 15 Syaaban 1438 /12 May 2017

Ref : AMBD/COMMS/3